

TALKING POINT**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL****NAIB CANSELOR****UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS****SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI****3 JANUARI 2018****DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku Malaysia - Sehati Sejiwa

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana masih lagi diberi nafas oleh Allah Azza Wajalla untuk merasai nikmat kehidupan di tahun baharu 2018 ini. Rasanya belum terlewat untuk saya mengucapkan SELAMAT TAHUN BAHARU 2018 kepada seluruh warga UniMAP. Disamping itu, marilah kita menadah tangan memanjatkan kesyukuran kepadaNya kerana memberikan kita kesempatan berkumpul di pagi yang berbahagia ini untuk mendengar amanat dan berkongsi maklumat terkini mengenai perjalanan universiti

dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti. Di samping mendengar perkongsian maklumat terkini berkaitan universiti, kita juga dapat menyihatkan badan melalui aktiviti senamrobik yang dijalankan.

2. Minggu ini merupakan minggu pertama kita di tahun baharu 2018. Saya berharap agar semuanya sihat dan menanamkan azam baharu dalam kehidupan saudara saudari. Saya mengharapkan komitmen yang tinggi daripada saudara saudari untuk hadir pada program kita ini. Melalui cara inilah kita dapat berkenalan antara satu sama lain dan mengetahui apa jua berita terkini berkaitan UniMAP. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UniMAP yang sanggup memberikan komitmen pada pagi yang indah ini. Berikan tepukan yang gemuruh buat diri saudara saudari.

2017

3. Tahun 2017 telah pun melabuhkan tirainya. Alhamdulillah kerana diizinkan olehNya, kita bertemu dengan 2018, pada isnin iaitu dua hari lepas. Pagi ini saya ingin mengimbas kembali perkara-perkara yang terjadi pada tahun 2017.

Pentadbiran

CIL (Pusat Bahasa Antarabangsa) akan mula mengenakan caj. bagi setiap khidmat yang mereka berikan. Saya mendapat maklum, bahagian Media UKK adalah antara yang tertinggi jumlah casnya kerana mereka menggunakan khidmat terjemahan bagi menterjemah teks ucapan dan juga berita. Ini adalah salah satu bentuk penjanaan kewangan yang sangat baik.

Untuk 2018, saya berharap akan lebih banyak lagi inisiatif untuk menjana kewangan bagi menampung keperluan universiti.

Kewangan

Pada tahun ini juga telah berlaku pengurangan bajet kepada universiti. Seperti yang kita semua sedia maklum, Badan Berkanun Persekutuan termasuk UniMAP masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos mengurus atau operasi bagi melaksanakan semua aktiviti universiti termasuk pembiayaan gaji, elauan dan bayaran emolumen yang lain. Jika dilihat kepada corak pemberian geran kerajaan (mengurus) untuk tempoh dua (2) tahun kebelakang: jelas kelihatan penurunan yang ketara pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya.

TAHUN	2015	2016	2017
PERUNTUKAN KERAJAAN	229,060,091	240,922,528	203,326,589
SUMBER DALAMAN	55,234,951	26,167,100	20,180,366
JUMLAH PERUNTUKAN	284,295,042	267,089,628	223,506,955
<i>PENINGKATAN/ (PENGURANGAN)</i> <i>- tanpa mengambilkira top-up sumber dalaman</i>		11,862,437	(37,595,939)

Sehubungan itu, bagi tahun 2018, saya menyeru kepada semua staf UniMAP terutamanya kepada Dekan2/Ketua2 Jabatan serta semua PTj yang memegang peruntukan di UniMAP, rancanglah pembelian/perbelanjaan dengan baik dan saya juga berharap agar kita sama-sama dapat mencari

alternatif dalam perbelanjaan serta pengurangan kos agar lebih efektif disamping mengelak pembaziran ke atas perbelanjaan yang tidak perlu bagi disesuaikan dengan kekangan peruntukan yang terhad

Penyelidikan

Dari sudut penyelidikan, kita telah meraih pelbagai pencapaian yang boleh dibanggakan. Antaranya,

LAMPIRAN 1

Antarabangsa

KPI HEADLINES 2017 (MKPI)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
Data sehingga Disember 2017

LONJAKAN	KPI/KIP		SASARAN 2017	PENCAPAIAN (Sehingga Disember 2017)	CATATAN
LONJAKAN 8: KEUNGGULAN GLOBAL	8	BILANGAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA	1,100	1,118	Undergraduate : 607 Undergraduate mobility : 4 Postgraduate: 399 IEC (Pengambilan Oktober 2016): 32 IEC (Pengambilan April 2017): 58 IEC (Pengambilan Oktober 2017): 18
	9	BILANGAN ENROLMEN PELAJAR PASCASISWAZAH ANTARABANGSA	365	399	Semasa : 317 Phd : 227 Master: 90 Grad: 82 PhD: 46 Master: 36

*Tahniah kepada CIA kerana berjaya mengatasi KPI yang telah ditetapkan. Semoga tahun ini KPI tersebut akan diatasi sekali lagi. InsyaAllah.

Sukan

Dalam bidang sukan juga tidak kurang hebatnya. Sebagai contoh kita berjaya mengekalkan kejuaraan SUKUM buat kali ke - 10 berturut-turut dan pada SUKUM 2017 kita berjaya meraih 21 emas, 12 perak dan 8 gangsa. MASUM juga tidak kurang hebatnya di mana kita meraih 1 emas dan 9 gangsa.

Tidak ketinggalan, salah seorang kakitangan kita iaitu Firdaus Jamen atau dipanggil Badang Malaysia yang meraih gelaran Orang Kuat Malaysia 2017 selepas berjaya menduduki tempat ke - 7 daripada 22 negara yang menyertai Kejohanan World Natural Strongestman Competition 2017 di Hungary pada Mac 2017 lalu. Malah beliau baru-baru turut menyertai Kejohanan Orang Kuat Selangor 2017 yang berlangsung pada 30 dan 31 Disember 2017 lepas di SACC Mall Shah Alam. Khabarnya beliau Berjaya mendapat tempat kedua. Apapun tahniah saya ucapan dan saya percaya beliau boleh melakukan semua tugas dalam kejohanan tersebut dengan lebih baik dalam kejohanan akan datang. InsyaAllah.

Berikan tepukan kepada semua warga UniMAP yang telah mengharumkan nama UniMAP dalam bidang sukan. Tahniah diucapkan.

Staf

Pada tahun ini saya kira kita kehilangan ramai staf. Sama ada yang meninggal dunia, yang memilih untuk tidak bersama kita lagi dan juga yang terpaksa ditamatkan perkhidmatan mereka atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Kekurangan ini sebenarnya memberi tekanan kepada staf yang lain kerana berlaku pertambahan dalam tugasannya mereka. Jika dilihat dari sudut negatif, pertambahan itu menjadi satu bebanan tetapi jika dari sudut positif, pertambahan itu menjadikan kita seorang yang multitasking, menghargai masa (pengurusan masa yang cekap), boleh bekerja di bawah tekanan, berpengetahuan luas dan pelbagai lagi perkara yang positif.

Pada tahun ini juga menunjukkan kemajuan kerjaya oleh staf kita apabila mereka dinaikkan pangkat. Bagi staf Pengurusan & Profesional Bukan Akademik, seramai 29 orang telah dinaikkan pangkat menjadi pegawai kanan dengan gred jawatan 44.

Tidak kurang juga staf akademik yang seramai 61 orang telah dinaikkan pangkat. Tahniah diucapkan.

INFO KESIHATAN

MELIOIDOSIS

4. Pada minggu ini saya ingin membacakan satu artikel berkaitan sejenis penyakit yang berjangkit kerana bakteria yang dikenali dengan nama “Melioidosis”. Artikel ini disediakan oleh Pusat Kesihatan. Penyakit ini dipilih kerana terdapat seorang staf UniMAP yang telah dijangkiti penyakit ini. Beliau sedang mendapat rawatan di Hospital Tunku Fauziah sejak 11 November lalu. Marilah kita berdoa agar beliau cepat pulih. InsyaAllah.
5. Penyakit melioidosis merupakan sejenis penyakit jangkitan bakteria yang jarang berlaku. Penyakit ini dikesan di kawasan beriklim tropika. Di Malaysia penyakit ini telah dikesan di Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Pahang. 43% kadar kematian yang tinggi telah direkodkan.
6. Penyakit ini disebabkan oleh sejenis bakteria yang berada di dalam permukaan air dan tanah. Bakteria ini ditemui hidup di dalam tanah. Kita dapat dijangkiti dengan penyakit ini apabila terdedah secara langsung kepada tanah dan sumber air yang tercemar oleh bakteria tersebut.

7. Jangkitan penyakit melioidosis lebih sering terjadi pada waktu monsoon atau musim hujan. Ini kerana, pada musim hujan, air hujan yang mengalir di atas tanah secara tidak langsung akan membawa bakteria ini ke permukaan tanah. Penyakit ini juga biasanya menjangkiti pembalak, peladang dan pesawah. Pelbagai cara dapat membuatkan seseorang itu dijangkiti bakteria ini, iaitu melalui sistem pernafasan, terminum air tercemar atau pun luka di kulit.
8. **Golongan Yang Berisiko Tinggi** untuk mendapatkan jangkitan tersebut adalah Penghidap kencing manis

Simptom-Simptom Melioidosis

- Demam, Batuk, Sakit pada bahagian dada
- Bisul kulit
- Bisul pada organ dalaman seperti hati, limpa, buah pinggang.
- Sakit pada bahagian tulang, sendi
- Mengalami jangkitan kulit
- Mengalami pneumonia

9. Langkah Pencegahan

- Elakkan daripada pendedahan kepada tanah dan sumber air yang tercemar terutamanya bagi mereka yang mempunyai luka atau menghidapi sebarang penyakit kronik
- Menggunakan kasut kalis air terutamanya bagi mereka yang terlibat dengan kerja-kerja yang terdedah kepada sumber tercemar di tanah dan air.
- Sekiranya luka, pastikan balutan luka anda sentiasa bersih dari sebarang kuman dan bakteria
- Segera dapatkan pemeriksaan sekiranya anda berkerja di kawasan ladang, sawah dan kawasan pembalakan sekiranya mengalami sebarang simptom-simptom di atas.

HARAPAN

Warga UniMAP yang saya kasihi

10. Seperti yang saya katakan tadi, minggu ini merupakan minggu pertama kita berada dalam tahun 2018. Oleh itu, saya ingin berkongsi sedikit harapan bersama warga UniMAP dalam bentuk pantun.

Nyiur gading lebat mayangnya
 Dibuat penyapu anyam berbalas
 2017 bertemu, titik noktahnya,
 Mulakan yang baharu, di tahun 2018

Indah panorama, Bukit Beruntung
 Hijau pemandangan, mendamaikan hati
 Daku manusia, paling beruntung
 Memiliki kalian, warga universiti

Sedap dinikmati, keropok losong
 Habis dimakan, tiada berbahagi
 500 terbaik, bukan omongan kosong
 Akan dibuktikan, tidak lama lagi

Pohon beringin, tegaknya megah,
 Daunnya lebat, bumi disapu,
 Andai kita, saling bercanggah,
 Membikin hatiku, menjadi sayu

Asap berkepul, naik ke udara
 Dek dibakar sampai, menjadi abu
 Majukan UniMAP, tidak sekadar bicara
 Cuma mengharap, sokongan darimu

UniMAP mantap, laungan dunia
 Kukuhkan namanya, seteguh besi
 Marilah kita, berjanji setia
 Integritikan diri, di setiap situasi

Muka berkerut, benak bertanya
 Menuntut kesabaran, jawapan dinanti
 Daku manusia, banyak khilafnya

Mohon kemaafan, seikhlas hati

PENUTUP

11. Sekian sahaja untuk minggu ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya Sudah dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.